

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9/1/2013

- Kalimah Allah hak eksklusif Islam
- Tindakan tegas ke atas pihak perlekeh fatwa

UM-9/1/2013

Peringatan Sultan

- Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah **(gambar)**

melahirkan rasa terkejut dan kesal dengan kenyataan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng yang meminta agar kerajaan



membenarkan kalimah Allah digunakan dalam Bible versi bahasa Melayu.

- Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Mohd. Misri Idris dalam satu kenyataan berkata, Sultan Sharafuddin membuat ketetapan dan menitahkan dengan tegas bahawa kalimah Allah yang merupakan kalimah suci khusus bagi umat Islam tidak boleh sama sekali digunakan di negeri Selangor oleh mana-mana agama bukan Islam lain sebagaimana yang telah difatwa dan diwartakan pada 18 Februari 2010.

- Baginda juga menitahkan MAIS dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) untuk mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak sama ada orang bukan Islam atau dalam kalangan orang Islam sekalipun yang masih mempersoal atau memperlekeh fatwa yang telah dikeluarkan mengikut peruntukan undang-undang sedia ada di Selangor.

- Selain itu, baginda turut menitahkan agar orang bukan Islam supaya tidak mencampuri urusan agama Islam bagi mengelakkan permusuhan dan salah faham dalam kalangan kaum di negara ini.

Tuanku menitahkan bahawa mana-mana pihak adalah ditegah dan dilarang sama sekali daripada menggunakan atau memperalatkan agama Islam sebagai modal politik mereka kerana ia akan mengakibatkan kemusnahan kepada keamanan yang dikecapi oleh rakyat pelbagai agama di negara ini.

- MOHD. MISRI IDRIS